

03 MAY 1997

DAP-Calon

M.KULASEGARAN CALON DAP BAGI TELUK INTAN

PETALING JAYA, 3 Mei (Bernama) -- Bendahari DAP bagi negeri Perak, M. Kulasegaran telah dipilih sebagai calon DAP bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Intan pada 17 Mei ini.

Semasa mengumumkan calonnya itu di ibu pejabat parti di sini, hari ini, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata, DAP sedar bukan senang memenangi kerusi itu.

Pilihan raya kecil itu diadakan selepas kematian penyandanginya Ong Tin Kim dari Barisan Nasional (BN) bulan lepas.

Penamaan calon bagi pilihan raya itu adalah pada Selasa depan.

BN pada Khamis lepas mengumumkan calonnya Dr Chee See Choke, 49, yang merupakan Pengerusi Gerakan bahagian Kampar.

Kulasegaran, 39, seorang peguam sebelum ini pernah menjadi calon DAP bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Canning pada pilihan raya umum 1995.

Lim berkata DAP kini mungkin terpaksa bertanding di tujuh pilihan raya kecil

- kerusi DUN Kidurong (12 Mei) dan kerusi DUN Kemena (24-25 Mei) kedua-duanya di Sarawak, pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan (17 Mei), kemungkinan pilihanraya kecil kawasan Parlimen Kota Melaka memandangkan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Melaka terhadap Lim Guan Eng dan juga kerusi DUN Repah di Negri Sembilan yang kini kekosongan selepas kematian penyandanginya dari BN.

Beliau berkata, sama ada DAP bertanding bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Kuala Selangor dan kerusi DUN Permatang ekoran pertukaran kerusi antara penyandanginya Datuk Abu Hassan Omar dan Jamaluddin Adnan, masih belum ditentukan lagi.

Lim berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada Abu Hassan atas perlantikannya yang menunjukkan pengiktirafan kepada kewibawaan dan pendekatan profesional beliau.

"Bagaimanapun, hakikat yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa meminta seorang Menteri Kabinet kanan untuk turun ke gelanggang politik negeri memberi bayangan yang anggota-anggota Exco Umno Selangor yang ada sekarang tiada seorang pun layak dipilih menjadi Menteri Besar," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB PR